

## **BN Yakin Sasar Sapu Bersih (PRN-11) -TPM**

**By admin**

**May 5, 2016**

**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister**

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yakin Barisan Nasional (BN) akan peroleh kemenangan yang besar dalam Pilihan Raya Sarawak ke 11 (PRN-11) pada Sabtu ini.

Zahid Hamidi berkata, keyakinan itu datang apabila melihat penerimaan baik oleh masyarakat Sarawak yang berbilang kaum dan bangsa yang menyokong penuh sehingga ke akar umbi dibawah pimpinan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem.

“Harapan kita mahukan BN menang besar di Sarawak”. Tetapi kita juga sebagai negara demokrasi perlu juga ada keseimbangan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN), kita perlukan wakil dari pihak pembangkang dalam DUN yang boleh membantu, merangka, pendapat untuk kelulusan sesuatu dasar, namun tak perlulah begitu ramai kerana BN sememangnya berupaya melakukan setiap program pembangunan yang dirancangkan untuk negeri dan rakyat.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri membidas dakwaan pihak pembangkang kononnya dengan beberapa peruntukan yang diberikan kepada negeri Sarawak ini adalah pemberian “gula-gula” untuk memenangi hati rakyat Sarawak menjelang PRN-11 nanti.

Zahid Hamidi berkata, “kita bukan mahu membeli undi mahu pun pemberian “gula-gula” ini adalah komitmen kerajaan BN pusat dibawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk terus membawa pembangunan ke Sarawak terutamanya dalam infrastruktur.

Kepimpinan Tan Sri Adenan Satem (Tok Nan) sudah terbukti berjaya menegakkan syiar islam di Sarawak walaupun negeri ini dihuni oleh pelbagai kaum,bangsa dan agama.Beliau tidak pernah melupakan agenda islamnya dalam setiap dasar yang diperkenalkan tanpa meminggirkan kepentingan penganut agama lain.

Zahid Hamidi yang juga Pengarah Pilihan Raya BN bagi PRN 11 Sarawak berkata,kematangan yang ditunjukkan oleh rakyat negeri ini dalam politik amat membanggakan,termasuk menolak budaya politik kebencian yang sama sekali bertentangan norma kehidupan masyarakat tempatan.

“Rakyat Sarawak sangat matang berpolitik dan kita percaya ini pasti membantu mereka membuat pilihan.Malah pengundi cina juga dilihat bersikap begitu terbuka dan menyokong pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh Tan Sri Adenan”.

“Beri Tok Nan lima tahun untuk memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat Sarawak termasuk masyarakat cina disini”.

**Blog at WordPress.com.**

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/05/05/bn-yakin-sasar-sapu-bersih-prn-11-tpm/>